



“MEMAHAMI KONSEP JIHAD DARI PERSPEKTIF ISLAM”

<p>أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَّ اللَّهُ الْحَسَنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٥٥﴾</p>	1
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	3
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, Marilah kita bersama bertaqwa kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba-Nya yang berbahagia di dunia dan di akhirat.</p>	4
<p>Sidang Jumaat sekalian, Jihad adalah kalimah yang biasa kita dengar dan sering dikaitkan dengan peperangan menentang musuh. Keadaan sebahagian umat Islam yang tertindas di beberapa sudut dunia hari ini merancakkan lagi perbincangan mengenai jihad dan keperluannya di kalangan umat. Namun di sebalik itu semua, terdapat juga reaksi dan tindakbalas bertentangan di kalangan masyarakat dunia mahu pun umat Islam sendiri. Terdapat usaha-usaha di kalangan umat Islam yang mahu mengeneipkan jihad dari jiwa umat Islam atas alasan menjaga hubungan antara masyarakat majmuk yang terdapat di negara ini. Sebahagian daripada mereka melabelkan terorisma atau keganasan terhadap orang-orang yang berjihad. Justeru, adalah menjadi kewajipan mimbar-mimbar Jumaat untuk menjelaskan konsep jihad dan kedudukannya dalam Islam.</p>	5
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah, Perkataan jihad dalam konteks yang kita bicarakan di mimbar ini diulang dalam al-Quran kira-kira 29 kali. Manakala kalimah mujahidun dan mujahidin diulang 4 kali. Ini tidak termasuk perkataan fi sabilillah dan qital yang turut memberi makna yang serumpun dengan jihad yang kita bincangkan. Ia menunjukkan betapa jihad adalah suatu amal yang sangat dituntut di dalam Islam dan tidak wajar diketepikan dari pembicaraan umat masa kini.</p>	6
<p>Benarlah sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dari Mu’az bin Jabal bahawa Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: دُرُورَةٌ سَنَامُ الْإِسْلَامِ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ (رواه أحمد) “Kemuncak ketinggian Islam adalah jihad pada jalan Allah”.</p>	7



<p>Sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Jihad dari segi bahasa bererti mengeluarkan sepenuh tenaga dan kemampuan. Dari segi istilah pula, ia sebagai perjuangan kaum muslimin menegakkan agama Islam dengan memerangi orang kafir yang menentang Islam. Namun, kita akan dapati bahawa kalimah jihad membawa banyak pengertian di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Justeru, selain dari makna berperang, kalimah jihad juga memberi makna yang lebih luas dan umum dari berperang.</p>	<p>8</p>
<p>Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Furqan ayat 52:</p> <p style="text-align: center;"> فَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَجَاهِدْهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا</p> <p>“Oleh itu, janganlah Engkau (Wahai Muhammad) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah (yakni dengan hujjah-hujjah Al-Quran) menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh.”</p>	<p>9</p>
<p>Ibnu Abbas menyatakan jihad dalam ayat ini adalah menggunakan al-Quran untuk berhujjah. Oleh itu, jihad yang besar dalam konteks ini adalah dakwah, penerangan dengan hujjah dan bukti. Sebesar-besar hujjah adalah Al-Quran.</p>	<p>10</p>
<p>Firman-Nya lagi dalam surah At-Taubah, ayat 73:</p> <p style="text-align: center;"> يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ</p> <p>“Wahai Nabi, berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, dan bertindak keraslah terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka Jahannam, itulah seburuk-buruk tempat kembali.”</p>	<p>11</p>
<p>Dalam konteks ayat ini pula, jihad bukan semata-mata bermaksud perang. Buktinya orang-orang munafik menzahirkan keislaman mereka sebagai cara berlindung dari sebarang tindakan. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam sendiri tidak memerangi mereka secara fizikal. Sebaliknya terdapat cara lain antaranya dengan mendedahkan rahsia dan perancangan mereka. Bahkan Baginda melayan mereka berdasarkan apa yang mereka zahirkan. Malah Saiyidina Umar pernah mencadangkan agar dipenggal lehernya tetapi dilarang oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.</p> <p>Justeru, jihad terhadap golongan munafik adalah dengan cara lain. Antaranya adalah dengan mendedahkan rahsia dan perancangan jahat mereka. Juga dengan mengingatkan masyarakat tentang bahaya risikonya mempercayai mereka.</p>	<p>12</p>
<p>Firman Allah SWT. dalam surah al-'Ankabut ayat 69:</p> <p style="text-align: center;"> وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ</p> <p>“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami; dan sesungguhnya Allah adalah bersama orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”</p>	<p>13</p>
<p>Dalam konteks ayat ini pula, jihad bermaksud melawan hawa nafsu dan syahwat, menempuh rintangan dan halangan, menentang syaitan, memerangi musuh di kalangan orang kafir yang memerangi Islam. Maksudnya adalah jihad dalam seluruh aspek kehidupan.</p>	<p>14</p>



<p>Sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Oleh itu, jihad merangkumi semua perbuatan dan sebab serta usaha yang boleh membawa kepada meninggikan agama Islam sama ada menghadapi musuh atau menentang kejahatan dan berusaha menghapuskannya melalui pelbagai cara. Tidak terbatas pada peperangan bersenjata sahaja. Bahkan, ia termasuk usaha menegur pemerintah yang zalim. Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam riwayat Abu Daud:</p> <p style="text-align: center;">أَفْضَلُ الْجِهَادِ كَلِمَةٌ عَدْلٍ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ أَوْ أَمِيرٍ جَائِرٍ</p> <p>“Sebaik-baik jihad adalah kata-kata yang adil di hadapan penguasa atau pemerintah yang menyeleweng”.</p>	15
<p>Sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Menegur penguasa dan pemimpin yang menyeleweng menjadi jihad yang utama kerana ia berhadapan dengan risiko yang besar. Apatah lagi, kita tidak diizinkan untuk mengangkat senjata selama mana pemerintah tersebut tidak menzahirkan kekafiran yang nyata dan selagi mereka masih mendirikan solat.</p>	16
<p>Demikianlah maksud hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam Dari 'Auf bin Malik dari Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Baginda bersabda:</p> <p>“Sebaik-baik pemimpin kamu adalah orang-orang yang kamu sayangi dan mereka pun menyayangi kamu. Mereka mendoakan kamu dan kamu mendoakan mereka. Seburuk-buruk pemimpin kamu adalah mereka yang kamu benci dan mereka juga membenci kamu. Kamu melaknat mereka dan mereka juga melaknat kamu.”</p> <p>Baginda ditanya: “Wahai Rasulullah! Tidakkah boleh kami menentang mereka dengan pedang?”. Jawab Baginda: “Tidak, selama mereka mendirikan solat bersama kamu”. Bila kamu melihat pada pemimpin kamu sesuatu yang kamu benci, maka bencilah perbuatannya dan jangan menarik diri dari mentaati mereka”.</p>	17
<p>Sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Apa yang perlu kita sematkan pada diri kita hari ini adalah semangat untuk menegakkan Islam dan menentang sebarang usaha yang menghalang Islam, sama ada dengan dakwah, penerangan dan penjelasan, berhujjah dan juga bersungguh-sungguh melawan godaan nafsu dan syaitan. Dalam keadaan yang lebih mendesak seperti di wilayah Islam yang dijajah atau diceroboh musuh, jihad yang dituntut adalah memerangi mereka dengan senjata sebagaimana mereka memerangi Islam dengan senjata. Atau pun, kita membantu saudara mara kita yang berjihad menentang musuh di Wilayah-wilayah Islam yang diceroboh. Jihad dengan menyumbangkan harta dan perbelanjaan ini disebut dalam Al-Quran sebagai jihad bilmal.</p>	18
<p>Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ جَهَّزَ غَازِيًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَقَدْ غَزَا وَمَنْ خَلَفَ غَازِيًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِخَيْرٍ فَقَدْ غَزَا .</p> <p>“Sesiapa yang mempersiapkan seorang yang pergi berperang pada jalan Allah, maka dia telah berperang. Dan sesiapa yang menggantikan orang yang pergi berperang fi sabilillah (yakni dengan menjaga keluarganya) dengan baik, maka dia juga telah berperang”.</p>	19
<p>Sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Kita hendaklah meneruskan jihad dalam konteks persekitaran kita, agar agama Islam akan tetap berada pada kedudukan yang tinggi. Sebagaimana dimaklumi, Islam tetap mempunyai musuh yang sentiasa memerhati dan menyekat kemaraannya untuk bangkit semula. Musuh-musuh Islam sentiasa mencari jalan untuk melemahkan semangat jihad Islam. Dalam sejarah zaman Kolonial iaitu Penjajah Barat, Penjajah British telah membiayai gerakan ajaran sesat seperti Qadiani dan Bahaie. Kumpulan-kumpulan seperti ini telah mempromosikan bahawa kewajipan jihad telah digugurkan dari umat Islam.</p>	20



<p>Dalam konteks hari ini pula, kuasa besar seperti Amerika Syarikat menekan institusi-institusi Islam agar menghapuskan topik jihad dari sukatan mata pelajaran pengajian Islam dan menjajah pemikiran umat Islam atas alasan memerangi keganasan.</p>	21
<p>Usaha mereka ini telah diisyaratkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah An-Nisa' ayat 102:</p> <p style="text-align: center;">وَدَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُمْ مَيْلَةً وَاحِدَةً</p> <p>“ . . . Orang-orang kafir memang suka kalau kamu cuai, lalai akan senjata dan harta benda kamu, supaya dengan jalan itu mereka dapat menyerbu kamu beramai-ramai dengan serentak . . .”.</p>	22
<p>Janganlah kita ketinggalan dalam menghayati tuntutan jihad, agar kita tidak termasuk dalam golongan yang dikhabarkan oleh baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis berikut:</p> <p>(Riwayat Abu Daud) مَنْ مَاتَ وَلَمْ يَغْزُ وَلَمْ يُحَدِّثْ نَفْسَهُ بِالْغَزْوِ مَاتَ عَلَى شُعْبَةٍ مِنْ نِفَاقٍ</p> <p>“Sesiapa yang mati tanpa pernah berperang dan tidak juga berbicara dalam dirinya tentang perang, maka dia mati atas satu cabang dari kemunafikan.”</p>	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،</p> <p style="text-align: center;">أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ</p> <p>“Pergilah kamu beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah, sama ada dengan keadaan ringan atau pun dengan keadaan berat (iaitu sama ada dalam keadaan susah atau pun senang; bersemangat atau tidak bersemangat); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu; jika kamu mengetahui”.</p> <p style="text-align: right;">(At-Taubah: 41)</p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	25



KHUTBAH KEDUA

26	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
27	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
28	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
29	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
30	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
31	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
32	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmah dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakjikan	33
Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah generasi muda kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.	34
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.	35
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾	36
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	37